



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan *domestic runners*?

*Domestic Runners* adalah mereka yang memberi perkhidmatan berikut, sama ada sepenuh masa atau separuh masa (*full-time* atau *part-time*), secara domestik di dalam Negara Brunei Darussalam, iaitu:-

- i. Individu yang memberikan perkhidmatan *runners* secara persendirian kepada orang awam, *home based businesses* dan syarikat-syarikat berdaftar seperti restoran dan lain-lain jenis perniagaan;
- ii. Individu yang bertugas sebagai pekerja di bawah syarikat-syarikat yang berdaftar untuk memberikan perkhidmatan *runners*; atau
- iii. Pekerja yang ditugaskan untuk memberikan perkhidmatan penghantaran (*delivery services*) di bawah syarikat berdaftar seperti restoran, pasar raya atau perniagaan yang lain.

2. Apakah perbezaan *domestic runners* dan *cross border runners*?

*Domestic runners* adalah individu persendirian atau mana-mana petugas yang membuat penghantaran di dalam negeri sahaja, seperti yang dihuraikan di dalam soalan (1) di atas.

*Cross border runners* adalah syarikat-syarikat yang berdaftar sebagai Agen Kastam di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. *Cross border runners* dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan pengambilan dan penghantaran barangan kepunyaan individu termasuk di luar negeri atau di pos-pos kawalan yang berkenaan setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri.

Operasi bagi *cross border runners* adalah ditangguhkan pada masa ini seperti yang dimaklumkan melalui Siaran Media Jabatan Perdana Menteri mengenai Pelanjutan Penangguhan Sementara Kebenaran Aktiviti Rentas Sempadan.

3. Apakah Sistem *Runners 2.0*?

Sistem *Runners 2.0* adalah sistem pendaftaran *domestic runners* yang telah dikemaskinikan yang mengandungi beberapa ciri baharu, antara lainnya, seperti berikut:-

- i. Ciri baharu pertama ialah Pengemaskinian Maklumat *Domestic Runners*
  - a. Sistem *Runners 2.0* akan membolehkan *domestic runners* yang berdaftar untuk mengemaskini maklumat-maklumat mereka secara dalam talian.



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)**  
**PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS**  
**(8hb November 2021)**

---

- b. Ini termasuk mengemaskini maklumat asas sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat yang telah dimasukkan semasa pendaftaran awal, khususnya berkaitan status vaksinasi;
  - c. Selain itu, Sistem Runners 2.0 juga akan memerlukan *domestic runners* untuk memasukkan maklumat tambahan seperti tarikh lahir, jantina, daerah, status vaksinasi COVID-19, tarikh mendapat dos suntikan vaksin dan tarikh terkini menjalani ujian swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2).
- ii. Ciri baharu kedua ialah *Colour coding*
- a. Seperti saranan Kementerian Kesihatan, semua *domestic runners* yang berdaftar adalah diperlukan untuk menjalani ujian swab (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2) setiap minggu dan dikehendaki untuk mengemaskini tarikh terakhir ujian swab masing-masing ke dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mulai 8 Oktober 2021;
  - b. Sehubungan itu, di bawah sistem Runners 2.0, ciri baharu *colour coding* diperkenalkan yang mempunyai dua kod warna iaitu hijau dan merah;
  - c. *Domestic Runners* yang telah mengemaskini tarikh terakhir ujian swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2) mereka setiap minggu akan diberikan kod warna hijau;
  - d. Walau bagaimanapun, bagi *Domestic Runners* yang tidak mengemaskini tarikh terakhir ujian swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2) pada setiap minggu, mereka akan diberikan kod warna merah. Kod merah ini hanya akan bertukar kepada kod hijau setelah mereka mengemaskini tarikh terakhir ujian swab mereka;
  - e. Sistem ini akan membolehkan *auto-update* ke atas status *colour code domestic runners* berkenaan setiap kali mereka mengemaskini tarikh terakhir ujian swab masing-masing setiap minggu. Ini bermakna *colour code* bagi setiap runners adalah bergantung kepada tarikh terakhir ujian swab masing-masing; dan
  - f. *Colour code* untuk setiap runners akan dipaparkan dalam *directory Domestic Runners* di laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk rujukan orang ramai dan runners berkenaan mengenainya.



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

iii. Ciri baharu ketiga ialah fungsi carian (*search functions*) yang dipertingkatkan dengan membolehkan carian melalui nama, Runner ID Number dan syarikat (bagi runners yang berkhidmat dibawah syarikat-syarikat yang berdaftar). Ciri baharu ini menambahbaik kaedah *digital identification* bagi runners berkenaan berdasarkan maklumat yang dipaparkan melalui *Directory of Domestic Runners* di laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk rujukan runners dan orang ramai secara umumnya.

4. **Apakah jenis maklumat yang perlu dikemaskini oleh *domestic runners* di bawah sistem *Runners 2.0*?**

*Domestic runners* boleh mengemaskini maklumat asas seperti nama penuh, nombor telefon bimbit, alamat rumah, nombor bilangan pendaftaran kenderaan sepertimana yang telah dimasukkan ke dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa pendaftaran awal.

Selain itu, sistem *Runners 2.0* juga akan memerlukan *domestic runners* untuk memasukkan maklumat tambahan seperti tarikh lahir, jantina, daerah, status vaksinasi COVID-19, tarikh mendapat dos suntikan vaksin dan tarikh terkini menjalani ujian swab Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2).

*Domestic runners* yang berdaftar tidak akan boleh menukar maklumat nombor kad pengenalan dan alamat emel di dalam sistem *Runners 2.0*. Jika *domestic runner* berkenaan perlu menukar maklumat berkenaan, bolehlah di emel ke [runners@mtic.gov.bn](mailto:runners@mtic.gov.bn)

5. **Apakah kelebihan *domestic runners* yang membuat pendaftaran?**

*Domestic runners* yang berdaftar akan disenaraikan di dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk rujukan dan makluman bersama mengenainya.

Pendaftaran *runners* (termasuk *domestic runners*) adalah sebagai salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam, dengan mengambilkira peningkatan kehendak ke atas perkhidmatan *domestic runners* bagi menampung keperluan orang ramai. Pendaftaran ini adalah langkah bagi menjaga kepentingan, keberadaan serta kesejahteraan pihak sektor perniagaan, pihak *domestic runners* dan khususnya orang ramai semasa Negara menghadapi situasi penularan wabak COVID-19 ini. Ianya juga bertujuan untuk memberikan keyakinan kepada orang awam dan juga memudahcara sebarang urusan yang berkaitan.



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

6. Adakah *domestic runners* diperlukan untuk mengikuti kesemua garis panduan yang dinyatakan?

Kesemua *runners* (termasuk *domestic runners*) adalah diperlukan untuk mengikuti semua garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga garis panduan yang dinyatakan di dalam dokumen “*Guideline for domestic runners during the COVID-19 situation*”.

Mana-mana syarikat atau individu yang didapati gagal mematuhi garis panduan tersebut, mereka boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Penggal 204 dan mana-mana undang-undang yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam.

7. Apakah peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh *domestic runners*?

*Domestic runners* diperlukan untuk mematuhi Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 serta undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa pada masa ini.

8. Adakah *domestic runners* diperlukan untuk membuat ujian *swab test* COVID-19 (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2 test))?

*Domestic runners* dimestikan untuk membuat ujian *swab test* COVID-19 (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2 test)) di Bridex Drive-Through Swab Centre sekurang-kurangnya sekali seminggu bagi memastikan mereka adalah negatif dari jangkitan COVID-19.

*Domestic runners* juga diperlukan untuk mengemaskini tarikh kali terakhir membuat ujian *swab test* COVID-19 (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2 test)) ke dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui [www.mtic.gov.bn/swab](http://www.mtic.gov.bn/swab)

*Domestic runners* yang telah mengemaskini tarikh kali terakhir membuat ujian *swab test* akan diberikan kod warna hijau, manakala *domestic runners* yang tidak mengemaskini tarikh kali terakhir membuat ujian *swab test* akan diberikan kod warna merah.

9. Adakah *domestic runners* diperlukan untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) setelah membuat ujian *swab test* COVID-19 (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2 test)) setiap minggu?



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

*Domestic runners* tidak diperlukan untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) setelah membuat ujian *swab test* COVID-19 (Polymerase Chain Reaction (RT-PCR SARS-CoV-2 test)) setiap minggu kerana dikategorikan sebagai pekerja yang berisiko rendah (*low risk*).

Walau bagaimanapun, *domestic runners* adalah dinasihatkan untuk terus mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, memakai sungkup muka (*face mask*), memberikan perkhidmatan secara *contactless delivery*, dan jika merasa kurang sihat untuk tidak memberikan perkhidmatan *runners* ataupun perkhidmatan penghantaran (*delivery services*).

Mereka juga diperlukan untuk mengikuti semua garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga garis panduan yang dinyatakan di dalam dokumen “*Guideline for domestic runners during the COVID-19 situation*”.

10. Berapa lamakah tempoh yang akan diberikan kepada *domestic runners* untuk membuat pendaftaran?

Pendaftaran *domestic runners* telah dibukakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui laman web [www.mtic.gov.bn/pendaftaran](http://www.mtic.gov.bn/pendaftaran) bermula dari **hari Sabtu, 2hb Oktober 2021** dan pendaftaran adalah percuma.

11. Apakah maklumat-maklumat yang perlu dihadapkan oleh *domestic runners* untuk pendaftaran ini?

*Domestic runners* perlu memberikan maklumat yang lengkap dan terkini termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan pintar, alamat emel, nombor telefon bimbit, bilangan pendaftaran kenderaan, nombor Bru-HIMS, status vaksinasi dan tarikh menerima vaksinasi COVID-19 (tarikh dos pertama dan tarikh dos kedua) dan nama syarikat (sekiranya relevan).

*E-notification* akan dihantar ke alamat emel *runners* berkenaan seperti yang diberikan di dalam borang pendaftaran dalam masa 3 hari bekerja.

12. Adakah terdapat had umur bagi mereka yang ingin menjadi *domestic runners*, khususnya dikalangan para belia?

Perkara ini adalah berpandukan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam pada masa ini, seperti yang berkaitan hal



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

ehwal buruh atau peraturan yang mentadbir *employment contract* dan lain-lain yang berkenaan.

13. Berapakah jumlah kenderaan yang boleh didaftarkan bagi *domestic runners*?

*Domestic runners* boleh mendaftarkan seberapa banyak kenderaan yang akan digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja penghantaran dengan syarat kenderaan tersebut adalah sah dan mempunyai pendaftaran yang tidak mansuh (termasuk insuran dan lesen kenderaan yang masih sah).

14. Adakah *domestic runners* yang menggunakan basikal atau berjalan kaki juga perlu mendaftarkan diri?

*Domestic runners* yang menggunakan basikal atau berjalan kaki semasa menjalankan perkhidmatan juga perlu mendaftarkan diri memandangkan ianya adalah termasuk di dalam skop *domestic runners* yang dihuraikan.

15. Adakah *cross border runners* yang sekarang ditangguhkan operasinya boleh mendaftar sebagai *domestic runners*?

*Cross-border runners* yang pada masa ini ditangguhkan operasinya boleh mendaftarkan diri sebagai *domestic runners*.

16. Adakah *Transport Operators* boleh mendaftarkan pekerja mereka sebagai *domestic runners*?

Bagi syarikat-syarikat *Transport Operators* yang diberi kebenaran oleh Jabatan Perdana Menteri untuk keluar dari dan masuk ke Negara Brunei Darussalam semasa situasi COVID-19, hendaklah mengenalpasti dan membezakan di antara pekerja-pekerja yang ditetapkan sebagai *Transport Operators* dan sebagai *domestic runners*. Pekerja-pekerja berkenaan yang dikhususkan untuk *domestic runners* adalah diperlukan untuk didaftarkan di bawah syarikat tersebut.

17. Adakah seorang individu yang menghantar barangan seperti makanan kepada ahli keluarganya yang lain dikira sebagai *domestic runners* dan perlu mendaftar?

*Domestic runners* adalah perkhidmatan yang berbayar yang melibatkan *commercial transaction* dengan harga yang ditetapkan. Dalam hal ini, *domestic runners* adalah mereka yang terlibat dalam *commercial transaction*, di mana adanya persetujuan seperti jual beli dengan harga yang dikenakan atas perkhidmatan yang diberikan seperti persetujuan di antara *runners* dan pelanggan itu sendiri.



**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

Dalam situasi di mana seseorang ahli keluarga menghantar barang keperluan kepada ibu bapa atau ahli keluarganya, ini tidaklah dikira sebagai *domestic runners*.

18. Adakah pekerja syarikat-syarikat *courier* yang turut memberikan perkhidmatan penghantaran juga perlu didaftarkan sebagai *domestic runners*?

Bagi pekerja syarikat-syarikat *courier* yang memberikan perkhidmatan penghantaran, mereka juga diperlukan untuk mendaftar sebagai *domestic runners* melalui laman web yang sama. Setelah mendaftar, para pekerja syarikat-syarikat *courier* berkenaan juga akan diberikan *e-notification* melalui emel masing-masing.

19. Bagi *domestic runners* yang bekerja di bawah syarikat yang berdaftar, adakah pendaftaran dibuat sendiri oleh pekerja berkenaan atau majikan boleh mendaftarkan bagi pihak pekerja berkenaan?

Pekerja yang ditugaskan sebagai *domestic runners* hendaklah membuat pendaftarannya sendiri, dan bukannya pendaftaran yang dibuat oleh majikan bagi pihak pekerja.

20. Bolehkan *domestic runners* menjalankan perkhidmatan penghantaran selepas jam 8.00 malam semasa Negara berada di dalam tempoh Operasi Pulih?

Semua *domestic runners* disarankan dan diperlukan untuk memainkan peranan masing-masing dengan menghormati strategi Kerajaan dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 terutamanya semasa Negara berada di dalam tempoh Operasi Pulih, dengan mengatur rancangan penghantaran dan menyelesaikan tugas sebelum jam 8.00 malam.

Ini adalah mengambilkira di bawah Operasi Pulih, orang ramai adalah disarankan dan diperlukan untuk berada di tempat tinggal masing-masing pada setiap malam daripada jam 8.00 malam hingga jam 4.00 pagi.

Semua *domestic runners* dinasihatkan untuk sentiasa membawa *e-notification* pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa membuat perkhidmatan *runners*. Selain itu, semua *domestic runners* juga disarankan untuk memberi kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang bertugas dalam mempertingkatkan pengawasan (*surveillance*) dan aktiviti penguatkuasaan (*enforcement*) dengan menunjukkan *e-notification* pendaftaran dan sebarang bukti transaksi seperti arahan majikan dan/atau perundingan penghantaran bersama pelanggan melalui whatsapp/emel atau mana-mana kaedah yang berkenaan, jika diperlukan.





**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)  
PENDAFTARAN BAGI DOMESTIC RUNNERS  
(8hb November 2021)**

---

21. Adakah *domestic runners* dibenarkan untuk keluar negara melalui mana-mana pos kawalan di Negara ini?

*Domestic runners* tidak dibenarkan untuk keluar negara termasuk melalui mana-mana pos kawalan yang sah bagi tujuan membuat penghantaran dan hanya terhad kepada penghantaran barangan di dalam negeri sahaja.

22. Bagaimanakah orang ramai boleh mendapatkan senarai *domestic runners* yang berdaftar di negara ini?

Semua *domestic runners* yang berdaftar akan disenaraikan di dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu [www.mtic.gov.bn/runnersdirectory](http://www.mtic.gov.bn/runnersdirectory)

Orang ramai bolehlah merujuk kepada senarai tersebut bagi memilih *domestic runners* yang bersesuaian.

Hanya maklumat *domestic runners* yang terhad dan berkenaan seperti *Runner ID*, nama, nombor telefon bimbit, nama syarikat (jika berkenaan), nama akaun media sosial (jika berkenaan) dan tarikh kali terakhir membuat ujian *swab test* sahaja akan disenaraikan di dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

23. Apakah langkah-langkah yang perlu diikuti dalam usaha mengawal penularan jangkitan COVID-19 semasa menggunakan perkhidmatan *domestic runners*?

Orang ramai termasuk *domestic runners* bolehlah melayari laman web Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi mendapatkan nasihat berkaitan *domestic runners*.

24. Jika terdapat sebarang pertanyaan, cadangan atau laporan mengenai *domestic runners*, dimanakah ianya boleh disalurkan?

Sebarang pertanyaan dan cadangan mengenai *domestic runners* bolehlah disalurkan ke Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui alamat emel di [runners@mtic.gov.bn](mailto:runners@mtic.gov.bn)

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)  
8hb November 2021